

Prestasi 6.5 daripada skala 10

DIAM tidak diam, sudah hampir setahun Pakatan Harapan (PH) berjaya menumbangkan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14). Mei tahun lalu.

Sepanjang setahun memegang tampuk kuasa pelbagai isu daripada kos sara hidup hingga pertembungan kuasa politik telah melatari slot berita utama tanah air. Lebih menimbulkan kerisauan banyak pihak mengenai tanggapan bahawa kerajaan hari ini tidak stabil dan hanya menunggu masa untuk tumbang.

Sama ada benar atau tidak dakwaan ini, wartawan *Mingguan Malaysia*, **SHARAIMI SHAIK AHMEDULLAH** dan **HAKIMI ISMAIL** bersama jurugambar **RAZAK LATIF** dan **ABDUL NAZIR MOHAMED** telah menemui bual Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, **DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL**, dan Pensyarah Kanan Program Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **DR. MUHAMAD NADZRI MOHAMED NOR** di pejabat mereka, baru-baru ini bagi mendapatkan pendapat mereka mengenai prestasi kerajaan PH sepanjang setahun mentadbir negara.



DR. MUHAMAD NADZRI MOHAMED NOR



SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL

MINGGUAN: Sepanjang setahun mentadbir Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), apakah pencapaian yang berjaya dilakukan?

SAIFUDDIN: Apabila kerajaan baharu mengambil alih, kos sara hidup mendapat tumpuan meluas jemaah menteri dan mereka bersetuju mewujudkan Majlis Tindakan Ekonomi dengan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail manakala kementerian ini menjadi sekretariat. Sejak ditubuhkan pada Ogos tahun lalu, kami berjumpa dua kali setiap tiga bulan. Sepanjang setahun ini, majlis ini mengumpul banyak idea yang kita pecahkan kepada tiga kategori iaitu jangka pendek, pertengahan dan panjang.

Antara langkah jangka pendek adalah membantu pengguna kenderaan awam di Lembah Klang dengan memperkenalkan pas perjalanan tanpa had My100 dan My50 sebagai langkah mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Selain itu, majlis ini turut mengesyorkan program food bank yang bertujuan memberikan bantuan secara langsung kepada golongan memerlukan. Sehingga kini hampir semua negeri dan separuh universiti awam menggerakkan program ini.

Dari segi sokongan logistik pula Kementerian Kewangan memberikan RM3 juta. Dengan peruntukan itu kami akan membeli 14 trak yang dilengkapi peti sejuk yang boleh menyimpan barangan basah. Ketika ini kami masih dalam proses perolehan trak ini.

“Sejujurnya saya bagi 6.5, skala tujuh bagi lagi tapi rating ini masih baik sebab lulus.”

Pada masa sama, antara cadangan masa pendek lain adalah untuk mengurangkan tambang komuter hingga 20 peratus, ini adalah cadangan oleh kementerian ini.

Untuk pelan jangka pertengahan, dalam masa setahun saya membuat analisis mengenai rantaian bekalan dan apakah faktor menyumbang kepada kenaikan harga. Apabila kita membuat analisis rantaian bekalan makanan memang ada barang yang naik dan ada yang kekal dan turun.

Untuk pelan jangka masa panjang pula, kita dapati isu kos sara hidup adalah isu kemampuan dan ia juga berkait dengan soal upah dan gaji. Sebelum ini, kerajaan PH mengumumkan mengenai gaji minimum bagaimanapun ia telah mendapat reaksi pelbagai daripada persatuan majikan yang menganggap kenaikan ini sebagai kos dalam perniagaan dan kemudiannya memindahkan kepada pengguna.

Selain itu adalah aspek penguatkuasaan, fungsi penguatkuasa KPDNHEP sangat penting, sehingga kini kami ada 2,294 pegawai dan untuk tahun ini kami mendapat tambahan 100 orang lagi tetapi fungsi mereka bukan hanya menjaga harga barang bahkan turut memantau barang tiruan, penyeludupan minyak masak, gas,

cetak rompak dan rokok seludup.

Jika dilihat dari segi aduan dalam tempoh setahun, paling banyak adalah aduan harga barang iaitu 45 peratus, kedua penipuan atas talian yang mencecah 25 peratus dan ketiga iklan mengelirukan. Dalam aduan harga barang paling banyak melibatkan harga makanan dan minuman, restoran serta kedai makan.

Kenapa orang sangat sensitif isu ini? Ini kerana 30 peratus belanja bulanan adalah melibatkan makanan, setiap kali rakyat dapat gaji mereka akan habiskan membeli barang makanan.

Penipuan atas talian pula saya jangkaan mengatasi aduan makanan dan minuman tidak lama lagi, ini kerana e-dagang sedang berkembang dan orang boleh menjual apa saja, kalau mereka menggunakan platform seperti Lazada dan Shopee kita mudah kesan tetapi kalau menggunakan alat lain untuk menjual kita tidak boleh kesan. Undang-undang yang ada sebenarnya mencukupi tetapi trend ini sangat membimbangkan.

Adakah kenalkan harga barang disebabkan cukai jualan dan perkhidmatan (SST)?

SAIFUDDIN: Ikan sebagai contoh, SST kosong tetapi turun sampai 40 peratus, ada yang dikenakan SST hingga 10 peratus tetapi harganya turun misalnya pada Mei tahun lalu harga pisau cukur jenama Gillette Razor ialah RM20.43 tetapi pada Mac lalu harganya turun kepada 15.15 sen. Bagaimanapun, ada juga SST kosong tetapi naik, sepatutnya tidak naik, ini bermaksud walaupun Kementerian Kewangan mengeluarkan senarai berkenaan SST tetapi pengecualian cukai itu

tidak dipindahkan kepada pengguna untuk menikmatinya.

Bagaimana pula isu subsidi bersasar, adakah akan dilaksanakan atau sebaliknya?

SAIFUDDIN: Isu subsidi bersasar memang janji PH, jadi apabila kerajaan membuat Bajet 2019 kita masukkan perkara ini dalam ucapan bajet sebagai polisi. Sekarang semua sudah selesai kecuali data pengguna yang layak untuk menerima subsidi.

Isu lain, adalah kalau kerajaan hendak berikan subsidi 30 sen seliter untuk 100 liter sebulan ia bermaksud RM30 sebulan. Jumlah 30 sen ini pula perlu menggunakan penanda aras yang mana?

Harga RON95 kita sudah ditetapkan setiap bulan, kalau hendak ikut harga minyak dunia kita kena tengok harga RON97 sebab tidak ditetapkan. Jadi pilihan kita sama ada hendak mulakan pemberian subsidi bersasar atas 30 sen daripada harga RON95, RM2.08 atau 30 sen daripada harga apung, jadi perkara ini Kabinet belum membuat keputusan lagi.

Sepanjang setahun PH menjadi kerajaan, ada pihak melihat kerajaan PH goyah, benarkah tanggapan ini?

SAIFUDDIN: Kalau saya tolak tanggapan ini mesti bersebab, petunjuk saya PH ini kompak dan berfungsi dengan baik sejak menang PRU lalu malah, sehingga sekarang tidak pernah kita tidak berjumpa untuk menghadiri mesyuarat Majlis Presiden, sibuk macam mana sekali pun tetap akan berjumpa.

Saya fikir tanggapan ini terbit daripada keputusan tiga pilihan raya kecil (PRK) lalu. Sebenarnya kalau kita tengok PH hanya kalah